

D550

B B408 AAB  
MAHATHIR-BRITAIN R R R R

SUBANG, 10 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI ADA PIHAK-PIHAK TERTENTU YANG SENGAJA MENABUR TOHMAH UNTUK MENAKUT-NAKUTKAN PARA PELABUR DARI BRITAIN DATANG KE MALAYSIA WALAUPUN DASAR +BELI BARANGAN BRITISH SEBAGAI PILIHAN TERAKHIR+ SUDAH LAMA TIDAK DIAMALKAN OLEH NEGARA INI.

DASAR TERSEBUT SUDAH TIDAK MENIMBULKAN APA-APA MASALAH LAGI TERHADAP HUBUNGAN DUA HALA ANTARA MALAYSIA DENGAN BRITAIN, MALAH IANYA SUDAH DISELESAIKAN KETIKA PERDANA MENTERI BRITAIN MARGARET THATCHER BERKUNJUNG KE MALAYSIA DUA TAHUN LALU, KATANYA DALAM SATU SIDANG AKHBAR DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR DI SINI SEKEMBALINYA DARI LAWATAN TIGA MINGGU KE BRITAIN, HUNGARY DAN SOVIET UNION.

PERDANA MENTERI BERKATA PIHAK-PIHAK BERKENAAN JUGA MENCELA MALAYSIA KERANA KONONNYA NEGARA INI MENGAMALKAN DASAR MEMILIKNEGARAKAN ATAU NATIONALISE INDUSTRI-INDUSTRI SERTA MENDAKWA SYARAT-SYARAT LIBERAL UNTUK PARA PELABUR ASING YANG ADA AKAN DITUKAR SELEPAS LIMA TAHUN.

+ SEBENARNYA KITA TIDAK PERNAH NATIONALISE MANA-MANA PERUSAHAAN DAN TIDAK BERHASRAT UNTUK MENUKAR ATAU MENYUKARKAN LAGI SYARAT-SYARAT PELABURAN,+ TAMBAH BELIAU.

DITANYA SIAPAKAH PIHAK-PIHAK TERTENTU YANG CUBA MENGGAGALKAN USAHA MALAYSIA MENARIK PELABURAN DARI BRITAIN, BELIAU MENJAWAB: +TERPULANGLAH KEPADA SAUDARA UNTUK MENINTERPRETASIKANNYA+. - LAGI.  
2016MST 10 08 87

D563

B B413 AAB  
MAHATHIR-BRITAIN 2 SUBANG R R R R

MENGENAI KEMUNGKINAN KERAJAAN MENURUNKAN CUKAI KORPORAT NEGARA INI SEPERTI YANG DIBAYANGKAN OLEH BELIAU SEMASA DI LONDON, PERDANA MENTERI BERKATA SETAKAT INI PERKARA TERSEBUT CUMA SATU KEMUNGKINAN. BAGAIMANAPUN BELIAU MENGAKUI BAHAWA KADAR CUKAI KORPORAT DI MALAYSIA, YANG DIANGGAP PALING TINGGI DI RANTAU INI IAITU SEBANYAK 40 PERATUS, PERLU DIKAJI SEMULA DALAM KONTEKS KESANNYA TERHADAP PELABURAN DI NEGARA INI DIBANDINGKAN DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN.

DITANYA SAMA ADA CADANGAN UNTUK MENURUNKAN CUKAI ITU AKAN DIBUAT DALAM BELANJAWAN 1988 YANG AKAN DIBENTANGKAN TIDAK LAMA LAGI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +MUNGKIN+.

PERDANA MENTERI YANG MENYIFATKAN LAWATANNYA SEBAGAI BERJAYA DAN MENEPATI TUJUAN-TUJUANNYA, YAKIN BAHAWA DAGANGAN ANTARA MALAYSIA DENGAN SOVIET UNION AKAN DAPAT DIPERTINGKATKAN LAGI.

KATANYA, WALAUPUN SOVIET UNION BUKAN MERUPAKAN SEBUAH NEGARA YANG MENGAMALKAN DASAR MELABUR DI LUAR NEGERI, KERJASAMA DALAM BEBERAPA INDUSTRI YANG DIKENALPASTI OLEH KEDUA-DUA PIHAK, TERMASUK PIHAK SWASTA DARI MALAYSIA YANG MENGIKUTI ROMBONGANNYA AKAN DAPAT MENINGKATKAN HUBUNGAN DAGANGAN DUA HALA. - LAGI.  
2039MST 10 08 87

B B423 AAB  
MAHATHIR-BRITAIN 3 SUBANG R R R R

INI AMAT PENTING MEMANDANGKAN SUNGUTAN PIHAK SOVIET UNION BAHAWA LEBIHAN DAGANGAN KEDUA-DUA BUAH NEGARA SEKARANG MENGUNTUNGAN MALAYSIA DENGAN NISBAH 10:1.

+PERBEZAAN YANG BEGITU KETARA AKAN DAPAT DIRAPATKAN SEKURANG-KURANGNYA DARI SEGI PERATUSANNYA SEKIRANYA JUMLAH DAGANGAN DAPAT DITINGKATKAN LAGI,+ TAMBAH PERDANA MENTERI.

MENJAWAB SATU SOALAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK MEMBINCANGKAN SOAL PEMBELIAN SENJATA DARI SOVIET UNION SEBAGAI SATU JALAN UNTUK MENGURANGKAN LEBIHAN DAGANGAN ANTARA KEDUA BUAH NEGARA.

TETAPI PANGLIMA TENTERA DARAT, JEN. TAN SRI HASHIM ALI YANG TURUT BERSAMA ROMBONGAN TERSEBUT TELAH BERBINCANG MENGENAI PERKARA ITU DENGAN RAKAN SEJAWATANNYA DI SANA, KATANYA. - BERNAMA.  
2115MST 10 08 87